



INDIVIDU yang hendak ke luar negara wajib memohon kelulusan imigresen.

## INSIDEN PENUMPANG DILARANG NAIK PESAWAT

# Tiada permohonan nak keluar negara

**Kuala Lumpur**

Tidak membuat permohonan mahu ke luar negara daripada pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) menjadi punca sekumpulan penumpang tidak dibenarkan menaiki pesawat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sabtu lalu.

Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Datuk Khairul Dzaimee Daud (*gambar*) berkata, penumpang terbabit didapati mempunyai rekod pergerakan masuk ke Malaysia dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Mereka yang ditahan ketika berada (di balai berlepas) itu membabitkan individu rakyat Malaysia pemegang pas pemastautin



terbabit (PR) luar negara.

“Ini termasuk individu bekerja di luar negara yang pulang dalam tempoh PKP dan mahu pergi semula ke luar negara,” katanya, semalam.

Katanya, ada dalam kalangan penumpang terbabit baru pu-

lang ke Malaysia dalam tempoh sebulan lalu dan mahu menaiki pesawat semula ke keluar negara atas alasan bekerja.

“Oleh itu, individu yang hendak ke luar negara wajib memohon kelulusan daripada pihak imigresen dahulu,” katanya.

Beliau berkata, syarat itu bertujuan mengelak rakyat Malaysia yang bekerja atau menetap di luar negara keluar dan masuk ke Malaysia sesuka hati, ketika negara masih berdepan penularan wabak Covid-19.

Pada 12 September lalu, JIM mengumumkan garis panduan dan syarat terbaharu bagi rakyat Malaysia yang ingin keluar dan masuk

ke dalam negara sehingga berakhirnya tempoh PKP Pemulihan (PKPP), 31 Disember hadapan.

Garis panduan itu memaklumkan beberapa kategori terbabit dalam garis panduan itu antaranya golongan yang tidak perlu memohon kelulusan, perlu memohon kelulusan dan tidak dibenarkan keluar negara serta prosedur untuk masuk semula ke Malaysia.

Media sebelum ini melaporkan terdapat sekumpulan rakyat tempatan terkandas di KLIA, Sabtu lalu kerana tidak dibenarkan ke luar negara walaupun mendakwa diri mereka tergolong dalam kumpulan yang dibenarkan ke luar negara tanpa memohon kelulusan berdasarkan garis panduan terbaharu itu. - Bernama

**Sabtu lalu sekumpulan rakyat Malaysia tidak dibenarkan ke luar negara**